



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (21)

Tarikh : 12 September 2019

**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS PRA-PELANCARAN (SOFT LAUNCH) 7TH ASIA-PACIFIC  
URBAN FORUM (APUF7)**

**PUTRAJAYA, 12 September 2019** – YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah merasmikan Majlis Pra Pelancaran 7<sup>th</sup> Asia-Pacific Urban Forum (APUF7) dan *Home Ownership Campaign (HOC) Affordable Homes*.

*Asia-Pacific Urban Forum* atau APUF merupakan acara berprestij yang akan berlangsung pada 15-17 Oktober 2019 di SPICE Convention Centre, Pulau Pinang. Ia merupakan forum bandar pelbagai peringkat dan pelbagai berkepentingan (*most diverse and multistakeholders*) di rantau Asia Pasifik. Sejak 1993, APUF telah menghimpunkan para pentadbir bandar, mereka yang terlibat dalam membuat dasar daripada kerajaan tempatan dan nasional, institusi kewangan, akar umbi & masyarakat awam dan sektor swasta untuk membahaskan dan mempromosikan penyelesaian inovatif kepada cabaran pembangunan bandar paling kritikal di rantau ini.

Untuk penganjuran kali ini, APUF7 telah memilih negeri Pulau Pinang sebagai lokasi kerana ingin menonjolkan inisiatif yang dilaksanakan oleh Pulau Pinang dalam penyelesaian isu bandar, masalah perumahan rakyat dan komuniti, pengangkutan awam, alam sekitar dan kemampunan selaras dengan keperluan pelaksanaan tempatan Sustainable Development Goals (SDGs) dan Agenda Perbadaran Baharu (NUA) dalam bandar atau PBT. Dianggarkan seramai 7000 orang yang akan menghadiri APUF7 daripada 60 Negara di bawah Asia Pasifik.

Bersempena dengan penganjuran APUF kali ini, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) turut menganjurkan Konvensyen Pemerksaan PBT Kali-2 pada 14 hingga 15 Oktober 2019. Tujuan Konvensyen Pemerksaan PBT ini diadakan bersekali dengan APUF adalah untuk memastikan bahawa Pentadbir Bandar, Ahli Majlis di PBT dan Kakitangan professional lain dapat mempelajari sesuatu hasil daripada perkongsian ilmu oleh penceramah-penceramah dari dalam dan luar negara, menjalinkan kerjasama (networking) dan melihat inisiatif perbandaran dan penyelesaian isu bandar daripada negara luar dan *benchmarking*.

Perasmian Kovensyen Pemerksaan PBT dan APUF7 akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 15 Oktober 2019. Tema penganjuran APUF7 adalah '**Future of Asia and Pacific Cities: Transformative Pathways to Achieve The 2030 Agenda for Sustainable Development**'. Secara keseluruhannya APUF7 akan mempunyai lebih daripada 100 sesi bersekali (parallel sessions) antaranya 'Leader's Dialogue' yang akan membincangkan 4 topik utama iaitu:

- i. Urban & Territorial Planning
- ii. Urban Resilience
- iii. Data & Technologies for Smart Cities
- iv. Urban Finance

Sesi lain pula melibatkan *urban innovation session, deep dive discussion, roundtables, assemblies*, pameran dan lawatan teknikal. APUF7 dianjurkan secara bersama oleh dua anggota besar United Nations yang terdiri daripada UNESCAP dan UN Habitat dengan kerjasama KPKT dan URBANICE MALAYSIA. Selain itu, penganjuran kali ini mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebagai 'Host City' dan ia turut mendapat kerjasama daripada lebih 10 badan antarabangsa lain sebagai subcommittee.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)